

15/04/1997

Umno Selangor terima pilihan PM

SHAH ALAM, Isnin - Badan Perhubungan Umno Selangor memberi kepercayaan penuh kepada kebijaksanaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk memilih teraju kepimpinan baru Umno Selangor dan Menteri Besar.

Setiausahanya, Datuk Onn Ismail berkata, keputusan itu dicapai dalam mesyuarat Badan Perhubungan Umno Selangor pada Sabtu lalu, sebaik Tan Sri Muhammad Muhd Taib meletakkan jawatan sebagai Menteri Besar dan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor.

Beliau berkata, Badan Perhubungan Umno Selangor juga akur terhadap tindakan Muhammad meletakkan jawatan berkenaan, berkuatkuasa hari ini.

"Umno Selangor berpendapat, tindakan beliau mengundur diri sebagai langkahnya tidak mencemarkan imej Umno ketika menghadapi perbicaraannya di Brisbane, Australia.

"Tindakan itu dibuat dengan rela hati tanpa tunduk kepada desakan dan tekanan mana-mana pihak," katanya kepada pemberita di Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini, hari ini.

Peletakan jawatan Muhammad, 51, yang menghadapi dua tuduhan berhubung cubaan membawa keluar wang tunai RM2.4 juta dari Australia, diumumkan Dr Mahathir selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno, kelmarin.

Selain jawatan Menteri Besar Selangor, Muhammad turut melepaskan jawatan Pengerusi Badan Perhubungan Umno dan Pengerusi Barisan Nasional (BN) bagi Selangor dan Wilayah Persekutuan.

Onn berkata, Umno Selangor menganggap tindakan itu sebagai melambangkan jiwa besar seorang pemimin yang bertanggungjawab demi mengutamakan imej, kepentingan serta kepercayaan parti.

Beliau berkata, Badan Perhubungan Umno Selangor turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Muhammad di atas jasa, bakti, kepemimpinan dinamik, tegas dan berwawasan terhadap negeri ini.

"Tidak syak lagi, pengumuman itu adalah satu kehilangan bagi rakyat dan Umno Selangor yang beliau terajui sehingga ke suatu tahap perpaduan mantap, pembangunan dan pencapaian ekonomi yang tinggi dan cemerlang," katanya.

(END)